

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HSA 101 – Pengantar Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi lapan soalan dan jawab **EMPAT** soalan sahaja. **DUA** soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa sejarah adalah satu bidang ilmu?
2. Herodotus dan Thucydides adalah dua tokoh yang dianggap membawa perubahan besar dalam sejarah. Bincangkan perubahan-perubahan besar tersebut dalam konteks pengertian sejarah, motif penulisan dan penggunaan sumber.
3. Sejauh manakah *Misa Melayu* berjaya menggambarkan wujudnya masyarakat feudal di Perak pada kurun ke-18?
4. Jika pengadilan moral dikikis, "sejarah tinggal tidak lebih daripada cerita" (Adrian Oldfield). Memandangkan pengadilan moral adalah sesuatu yang tidak dapat dilakukan dalam sejarah, maka timbul persoalan apakah hal-hal yang lazimnya diadili oleh para ahli sejarah. Bincangkan.

Bahagian B

5. Huraikan apakah itu *autonomous history* dan matlamatnya? Menurut pandangan anda, sejauh manakah sejarawan-pegawai British telah mencapai matlamat ini dalam penulisan sejarah Malaysia?
6. Bincangkan perkembangan pensejarahan Melayu dari segi latar belakang pengarang, tema dan kaedah kajian yang digunakan pada awal kurun ke-20 hingga dekad 1930-an.
7. Bahaskan karya-karya Munshi Abdullah yang memperlihatkan corak pemikiran baru yang jauh berbeza daripada pensejarahan tradisional Melayu sebelumnya.
8. Sejauh manakah pandangan A. Samad Ahmad berhubung asal-usul *Sulalatus Salatin* dapat diterima?